



From | Control Union Malaysia Sdn Bhd,
B-3-1, Block B, Prima Avenue Klang,
Jalan Kota/KS1,
41000 Klang, Selangor,
Malaysia

Subject| **JEMPUTAN UNTUK MEMBUAT ULASAN BERKENAAN DENGAN PENILAIAN SEMULA PERSIJILAN
RSPO BAGI SIME DARBY PLANTATION BERHAD – GUNUNG MAS POM**

Date | **07-02-2020**

Dear Sir/Madam,

Kepada Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Sime Darby Plantation Berhad – Gunung Mas POM adalah sebuah syarikat perladangan di Malaysia, telah memohon kepada Control Union Malaysia Sdn Bhd untuk melaksanakan aktiviti pensijilan semula selaras dengan Malaysia National Interpretation (MYNI 2019) daripada RSPO Principle & Criteria 2018 seperti diluluskan oleh RSPO Board of Governors pada 7 November 2019 untuk pengeluaran minyak kelapa sawitnya.

Penilaian persijilan semula dirancang untuk dimulakan pada 23 Mac 2020 dan akan berakhir pada 27 Mac 2020.

Pemohon	SIME DARBY PLANTATION BERHAD
Butiran Kenalan	Shylaja Devi Vasudevan Nair Head of Sustainability Unit Main Block, Level 3A, Plantation Tower, No. 2, Jalan PJU 1Aa/7, Ara Damansara, 47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia +603-7848 4000 Shylaja.vasudevan@simedarby.com
No. Keahlian RSPO	1-0008-04-000-00 Sime Darby Plantation Berhad
Maklumat pemohon secara ringkas	Dengan pengambilalihan sepenuhnya pada 2007 di antara Sime Darby Berhad, Golden Hope Plantations Berhad dan Kumpulan Guthrie Berhad, telah menjadikan Sime Darby Plantation antara pengeluar minyak sawit terbesar di dunia. Kini, Sime Darby Plantation menghasilkan kira-kira 2.4 juta tan atau 4% daripada jumlah penghasilan minyak sawit mentah (Crude Palm Oil,CPO) dunia, di mana 2.2 juta tan adalah minyak sawit mentah yang telah disertifikasi mengikut program pensijilan kemapanan. Sime Darby Plantation memiliki bank tanah perladangan sebanyak lebih kurang 1 juta hektar, di mana 600,000 hektar ditanam dengan kelapa sawit, 11,000 dengan getah, 5,000 dengan tebu, dan selebihnya dengan tanaman lain-lain. Divisyen-divisyen berkembang di seluruh Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak; Kalimantan, Sumatera, dan Sulawesi di Indonesia; Liberia; Papua New Guinea; dan Kepulauan Solomon. Kilang Sawit Gunung Mas terletak di Kluang, Johor dan mempunyai empat (4) ladang yang menghantar bekalan buah kelapa sawit, iaitu Gunung Mas Estate, Kempas Klebang Estate, Bukit Paloh Estate, dan Yong Peng Estate.

Kilang Sawit untuk penilaian ini						
Nama Kilang Sawit	Kapasiti Kilang	Lokasi	Rujukan GPS		Ramalan Pengeluaran Tahunan (MT)	
(POM)	MT/Jam	Alamat	Longitude	Latitude	CPO	Palm Kernel
Kilang Kelapa Sawit Gunung Mas	60	KKS Gunung Mas, P.O.Box No. 524, 86009 Kluang, Johor, Malaysia	103.138° E	2.244° N	56,467.39	14,445.15

Pangkalan Bekalan BTS untuk penilaian ini						
Name of estate / association	Location	GPS reference		Area Summary (Ha)		Annual Estimation FFB (MT)
	Address	Longitude	Latitude	Total	Mature	
Gunung Mas Estate	Ladang Gunung Mas, K/B No.512, 86009 Kluang, Johor, Malaysia	103.138° E	2.253° N	3,136.29	2,414.26	70,318
Kempas Klebang Estate	Ladang Kempas Klebang, K/B No. 105, 86609 Paloh, Johor, Malaysia	103.173° E	2.212° N	2,263.43	1,842.86	60,046
Bukit Paloh Estate	Ladang Bukit Paloh, K/B No.107, 86609 Paloh, Johor, Malaysia	103.177° E	2.140° N	3,075.41	2,281.13	77,120
Yong Peng Estate	Ladang Yong Peng, 83700 Yong Peng, Johor, Malaysia	103.143° E	2.085° N	2,975.41	2,239.09	55,154
Total				11,450.54	8,777.34	262,638

Maklumat terperinci mengenai pasukan audit:

PENTAKSIR UTAMA

Fadly Bin Ahmad

Lulusan Teknologi dan Pengurusan Ladang BSc dari UiTM. Pengalaman 6 tahun di ladang kelapa sawit sebagai Penolong Pengurus di Genting Plantations Sabah. Berkelayakan untuk latihan kursus Lead Auditor untuk ISO14001: 2015. Telah menghadiri RSPO, Global Gap, USDA NOP, audit JAS di Malaysia, Indonesia, dan Sri Lanka. Fasih berbahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia / Indonesia

PENTAKSIR SOKONGAN

Abd Hamid bin Binsin

15 tahun pengalaman bekerja dalam industri perhutanan terutamanya dalam pengurusan perhutanan sosial dan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Dua tahun kerja perundingan untuk Penilaian Impak Sosial dan pengurusan sosial / pekerja untuk syarikat perhutanan dan kelapa sawit. Berjaya melengkapkan latihan RSPO pada tahun 2018 dan latihan SA8000 pada tahun 2019.

Muhammad Faizul Yusoff

Graduan Diploma of Agriculture Science dan Bachelor of Applied Chemistry. Berpengalaman kerja melebihi 7 tahun di dalam pengurusan perladangan kelapa sawit, dan audit pihak ketiga dalam ISO & Palm Oil Sustainability Standard, MSPO, dan ISCC. Telah mengikuti Kursus Ketua Juruaudit bagi kedua RSPO P&C dan juga RSPO SCC, MSPO, ISCC, MPOB CoP, ISO 9001, ISO 14001, & ISO 18001. Fasih dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia/Indonesia.

Nor'Ain Mohd Nasir

Graduan Degree Plantation Management & Technology dari Universiti Teknologi Mara Shah Alam tahun 2006. Mempunyai pengalaman bekerja dalam industri selama lebih 10 tahun. Mengambil bahagian di dalam RSPO, ISCC, dan MSPO audit di Malaysia dan Indonesia. Fasih berbahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia / Indonesia.

Control Union Malaysia Sdn Bhd adalah sebuah Syarikat Pemeriksaan dan Persijilan Antarabangsa. CUC menjalankan penilaian dan persijilan di pelbagai bidang pertanian seperti FSC, RSPO Pengeluaran Organic, Sustainable Textile Production, Organic Exchange, Globalgap, HACCP, BRC, GMP dan GTP. CUC adalah ditauliahkan secara rasmi oleh Dutch Council of Accreditation (RVA) dengan Standard Kualiti European EN 45011 untuk pemeriksaan dan persijilan bagi Program Organik CU (mengikut peraturan EU 2092/91) dan Program GLOBALGAP. Jika ada permintaan, salinan sijil pertaulahan boleh didapati daripada CU.

Perundingan pihak-pihak yang berkepentingan adalah sesuatu yang penting dalam proses sertifikasi di mana semua pihak kepentingan diseru untuk memberitahu pandangan masing-masing dan memberi pandangan sama ada unit sertifikasi mematuhi kepada keperluan standard RSPO 2013.

Kami mengundang semua pihak-pihak yang berkepentingan untuk ikut serta dalam prosedur perundingan dimana anda dapat memberikan sumbangan yang positif atau sebaliknya kepada keputusan pensijilan. Kami meminta anda mengemukakan sebarang isu, baik positif maupun negatif melalui surat, fax atau e-mail kepada Control Union Malaysia Sdn Bhd. Sebagai rujukan, anda boleh mempertimbangkan isu-isu di bawah ini:

- Perlindungan Persekutaran
- Pemuliharaan kepelbagaiannya Biologi
- Peluang Pekerjaan
- Penyediaan perumahan, sanitasi, dan pendidikan
- Pendekatan syarikat dalam perkembangan masyarakat
- Mengambil Bahagian Dalam Membuat Keputusan
- Isu-isu yang lain, baik positif atau negatif yang, anda rasa relevan kepada penilaian
- Isu-isu yang berkaitan dengan ladang-ladang lain yang dimiliki oleh syarikat ini, yang tidak termasuk dalam proses penilaian ini
- Salinan Standard RSPO untuk setiap negara, tersedia di laman www.rspo.org. Atau hubungi Control Union Malaysia Sdn Bhd untuk mendapatkan salinan tersebut

Sila ajukan komen anda kepada:

Pejabat Control Union Malaysia
Cheah Chi Ern, Scheme Coordinator, B-3-1, Prima Klang Avenue, Jalan Kota KS/1, 41100 Klang, Selangor, Malaysia E-Mail: cecheah@controlunion.com Fax: +603 3377 1800

Komen yang diterima dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat ini akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini. Sila sertakan maklumat berikut jika kami perlu untuk menghubungi anda untuk mendapat penjelasan mengenai apa-apa isu-isu yang dibangkitkan:

Nama	:	<hr/>
Alamat	:	<hr/>
E-Mel	:	<hr/>
Nombor Telefon	:	<hr/>
Ringkasan Isu	:	<div style="border: 1px solid black; height: 150px; width: 100%;"></div>

Kami ucapkan terima kasih atas penyertaan dan maklumbalasnya.

Hormat kami,



Cheah Chi Ern
Scheme Coordinator,
Control Union Malaysia Sdn Bhd